



BULETIN UNIT PENGAWASAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

Bil 4/2017

OKTOBER – DISEMBER 2017

PENDIDIKAN DAN PROMOSI KESEDARAN ALAM SEKITAR

Pendidikan dan promosi kesedaran alam sekitar yang dilaksanakan adalah berorientasikan strategi jangka panjang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap kepentingan mengawal pencemaran dan pemuliharaan alam sekitar. Program pendidikan dan promosi kesedaran alam sekitar meliputi pelbagai aktiviti seperti ceramah, pameran, kem kesedaran alam sekitar (KeKAS), bengkel alam sekitar, penyebaran maklumat alam sekitar melalui media cetak iaitu risalah-risalah serta media elektronik. Perkhidmatan Pusat Sumber juga disediakan sebagai sumber rujukan orang awam.

(Sumber dari Laporan Tahunan)

Pencapaian bulan Oktober – Disember adalah seperti berikut:-

Kategori	Okt	Nov	Dis
PENDIDIKAN			
Ceramah		1	
Pameran		1	
KeKAS		1	
Hari Ozon			
Hari Bumi			
Hari Alam Sekitar Sedunia			
HASN	3		
Kolokium (dalaman Jabatan)		1	
Taklimat (melibatkan pihak luar)		1	
RAS			
Tabika			
SLASS			

Kategori	Okt	Nov	Dis
Lawatan ke JAS			1
Aktiviti Kesedaran lain (Anjuran agensi lain)			
Borang RAS (kemaskini dalam sistem)	38	59	1
PENGAWASAN			
Bunyi Bising Ambien			
Air Bawah Tanah		1	1
Air Marin			

Berikut adalah aktiviti yang dijalankan dari Oktober – Disember 2017 adalah seperti berikut:-

Aktiviti	Tarikh
Pertandingan Mencipta Bahan Baru dari Buangan (Creating New Out Of Old) sempena Hari Alam Sekitar Negara di Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak (PPKS)	10/10
Program Senamrobik & Berbasikal Enviroride Sempena Hari Alam Sekitar Negara 2017 di Menara Sarawak Energy	21/10
Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Sarawak 2017 di UNIMAS	28/11
Ceramah dan Pameran Program Pasca PT3 di SMK Sebuyau	1/11
Pengawasan Air Bawah Tanah 2/2017	14-15/11
Kem Kesedaran Alam Sekitar (KEKAS) di Eastwood Valley & Country Club	18-19/11
Taklimat Pengenalan Asas Pertolongan Cemas & CPR dari Jabatan Pertahanan Awam Malaysia	30/11
Seminar GSR di Imperial Hotel, Kuching	12/12

Aktiviti	Tarikh
Pengawasan Air Bawah Tanah 4/2017	5-6/12
Lawatan Sambil belajar pelajar Saujana Kesihatan Awam Tahun 1, Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan Unimas	15/12

PERTANDINGAN MENCIPTA BAHAN BARU DARI BAHAN BUANGAN

Pertandingan ini merupakan kerjasama dengan pihak Trienekens (Sarawak) Sdn.Bhd. dan Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak (PPKS), sempena sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2017.

Seramai 34 pelajar dari institusi pengajian tinggi awam dan swasta di sekitar Kuching telah mewakili pertandingan ini pada 10 Oktober 2017 di Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak.

Objektif dan matlamat pertandingan adalah untuk menanam rasa tanggungjawab di kalangan generasi muda yang terdiri daripada penuntut institusi pengajian tinggi terhadap kepentingan menjaga alam sekitar melalui penggunaan semula dan pengurusan bahan buangan yang baik.

Majlis perasmian dan penyampaian hadiah pertandingan telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Encik Mohd Hidzir Bin Bakar, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak, turut hadir Cik Alice Lee, Ketua Pegawai Operasi dari pihak Trienekens (Sarawak) dan Mohamad Isham Bin Fauzi, Pemangku Pengarah Eksekutif Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak (PPKS).

Penganjuran pertandingan ini juga merupakan satu program khidmat sosial korporat (CSR) pihak Trienekens (Sarawak) Sdn.Bhd. dalam memberikan pendedahan kepada penuntut institut pengajian tinggi berkenaan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar melalui pengurusan bahan buangan.

GAMBAR PERTANDINGAN MENCIPTA BAHAN BARU DARI BAHAN BUANGAN 2017



GAMBAR PERTANDINGAN MENCIPTA BAHAN BARU DARI BAHAN BUANGAN 2017



PROGRAM SENAMROBIK DAN BERBASIKAL ENVIRORIDE

Program ini merupakan anjuran bersama Sarawak Energy Berhad, merupakan salah satu aktiviti sempena sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2017.

Seramai 300 penyertaan dari pelbagai peringkat usia menyertai program ini yang berlangsung pada 21 Oktober 2017, dengan perjalanan sejauh lebih kurang 30 kilometer mengelilingi bandaraya Kuching. Antara aktiviti lain yang dijalankan adalah senamrobik dan cabutan bertuah.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Yang Berusaha Encik Mohd Hidzir Bin Bakar, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak, turut hadir Mr. Lu Yew Hung, Group Chief Operating Officer, Sarawak Energy Berhad.

GAMBAR PROGRAM SENAMROBIK DAN ENVIRO RIDE 2017





HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN) 2017

Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Sarawak 2017 merupakan anjuran bersama Kementerian Pembangunan Bandar dan Sumber Asli, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak dan Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak. Majlis Perasmian HASN telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tenah Ali Hassan, Timbalan Ketua Menteri Sarawak.


Seramai lebih kurang 1800 jemputan yang terdiri daripada Jabatan-Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Pemimpin Setempat dan Komuniti, NGO dan Wakil Persatuan Komuniti, Industri pelajar-pelajar institut pengajian tinggi awam dan swasta serta pelajar sekolah. Sambutan HASN telah diadakan di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) pada 28 Oktober 2017.

HASN disambut di seluruh Malaysia untuk menerapkan elemen menghargai dan mencintai alam sekitar dalam diri masyarakat global dengan impak yang lebih tinggi dan berkesan. Tema tahun ini " Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama" bakal mencetus pembentukan minda rakyat kelas pertama iaitu cintakan kemampunan dan pemuliharaan alam sekitar.

Kejayaan memulihara alam sekitar memerlukan kerjasama padu daripada setiap lapisan masyarakat. Justeru, tumpuan berterusan perlu diberi kepada usaha meningkatkan lagi kesedaran dan komitmen masyarakat bagi mencapai hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang berteraskan pembangunan lestari atau "sustainable development" terutama di kalangan generasi muda yang menjadi perwaris alam sekitar negara

Pengisian program HASN 2017 antaranya ialah pameran, Forum Perdana – (Climate Change), pemeriksaan kesihatan percuma, pemeriksaan percuma Pelepasan Asap, Petrol dan Diesel Kenderaan serta cabutan bertuah.

GAMBAR HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2017



GAMBAR HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2017



KEM KESEDARAN ALAM SEKITAR (KEKAS) 2017

Program KEKAS merupakan anjuran bersama Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak dan Petronas Carigali Sdn.Bhd. (Sarawak Operation), Miri. Seramai 50 pelajar bersama 5 orang guru pengiring dari 5 buah sekolah di sekitar Miri iaitu SMK Baru, SMK Lopeng Tengah, SMK St. Columba, SMK St. Joseph dan SMK Luak telah menyertai Kem Kesedaran Alam Sekitar (KEKAS) yang telah diadakan pada 18-19 November 2017, bertempat di Eastwood Valley and Country Club, Miri. Majlis Perasmian Penutupan Program KEKAS disempurnakan oleh Yang Berbahagia Encik Adam Yii Siew Sang, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Miri.

Tujuan program KEKAS ini diadakan adalah untuk memberikan pendedahan kepada peserta khususnya para pelajar mengenai kepentingan kesedaran alam sekitar. Selain itu, program ini juga bertujuan membina sikap positif dan tanggungjawab serta menyemai rasa kasih sayang terhadap alam sekitar dan keindahan alam semulajadi. Peserta turut didedahkan dengan aktiviti berkaitan modul-modul kesedaran alam yang mana modul pada tahun 2017 adalah urbanisasi.

Program ini merupakan satu program khidmat sosial korporat (CSR) pihak Petronas Carigali Sdn.Bhd. (Sarawak Operation) melibatkan pemeliharaan alam sekitar dengan masyarakat setempat.

GAMBAR KEM KESEDARAN ALAM SEKITAR 2017



GAMBAR KEM KESEDARAN ALAM SEKITAR 2017

